

05 AUG 2001

Mahathir - Bakti

TAK RUGI JIKA ADA ACARA-ACARA LAIN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah tidak rugi jika BAKTI mengadakan acara-acara sukan lain bagi menjalin hubungan mesra antara isteri-isteri anggota kerajaan.

Katanya, di negara seperti Malaysia, pelbagai kaum dapat beramah mesra serta menjalin hubungan baik menerusi acara-acara sukan sambil menyatakan sokongan beliau kepada BAKTI menganjurkan acara sukan seperti badminton.

BAKTI adalah Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri.

"Acara badminton seperti ini membolehkan isteri anggota kerajaan berkenalan dan beramah mesra antara pelbagai kaum" katanya semasa menutup dan menyampaikan hadiah pada Kejohanan Badminton ke-16 Piala Perdana 2001 di Stadium Badminton Kuala Lumpur, Cheras, di sini hari ini.

"Saya bukan peminat sukan sangat tetapi isteri saya (Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali) mahu saya datang juga," katanya secara berseloroh.

Dr Mahathir bersama Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta beberapa anggota barisan Kabinet dan Menteri Besar menghabiskan hampir lima jam menyaksikan pertandingan akhir itu.

Pasukan Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri Sabah (BAKISA) muncul juara buat kali keempat berturut-turut merangkul Piala Perdana 2001 apabila menumpaskan pasukan BAKTI 4-1 dalam perlawanan akhir.

Yang Dipertua BAKTI, Dr Siti Hasmah, menyatakan penghargaan kepada semua peserta serta penaja-penaja yang memberi sokongan menjayakan kejohanan enam-hari itu.

Kecuali Terengganu dan Kelantan, kesemua 12 pasukan negeri mengambil bahagian pada acara badminton tahunan tersebut. Perak akan menjadi tuan rumah pada tahun depan.

-- BERNAMA

DC AKT FAZ